

10,500 hampa pelarasan gaji 10 peratus ditolak

BH 31 JUL 2000

KUALA LUMPUR, Ahad—Kira-kira 10,500 kakitangan di bawah Majlis Bersama Kesatuan Lima Agensi Yang Diasingkan berputih mata apabila permohonan pelarasan gaji 10 peratus mereka ditolak kerajaan.

Pegawai Majlis Bersama Kesatuan itu, Mohd Noor Abdullah, berkata hingga kini belum ada pihak memberi maklum balas dan mahu bertanggungjawab mengenai kedudukan perkara itu walaupun tempoh sebulan yang ditetapkan sudah berlalu.

Lima agensi terbabit ialah Pertubuhan Kebajikan Sosial (Perkeso) Lembaga Tabung Haji (Tabung Haji), Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT), Bank Simpanan Nasional (BSN) dan Persatuan Hal Ehwal Anggota Tentera (Perhebat) yang menuntut isu pelarasan gaji dengan memberi tempoh sebulan yang berakhir 22 Julai lalu kepada kerajaan.

Sehubungan itu, Mohd Noor berkata, pihaknya 'tidak mempunyai pilihan lain kecuali mengambil tindakan berpiket bermula 2 hingga 7 Oktober depan, jika pelarasan gaji 10 peratus itu masih gagal dilaksanakan.

• "Hasil mesyuarat yang kami adakan bar-u-baru ini sebulat suara bersetuju mengambil tindakan berpiket selama seminggu bermula 2 Oktober depan," katanya ketika dihubungi *Berita Harian* di sini, hari ini.

Katanya, dalam mesyuarat dua jam pada 24 Julai itu, turut memutuskan satu lagi tindakan perusahaan di mana semua kakitangan diminta menjalankan tugas harian mengikut ketetapan waktu bekerja bermula dari 9 hingga 14 Oktober.

Beliau berkata, lima agensi badan berkanun terbabit (yang dahulunya turut disertai Kumpulan Simpanan Wang Pekerja (KWSP), sebelum penyertaan Perhebat) per-

nah mengalami nasib yang hampir sama apabila dalam pelarasan gaji tahun 1995, permohonan mereka hampir tidak diluluskan kerajaan.

Bagaimanapun, isu pelarasan gaji baru bagi tahun 1995, akhirnya dapat diselesaikan pada akhir tahun lalu apabila pembayaran pelarasan gaji kakitangan itu yang tertunggak selama empat tahun dibayar secara berperingkat sehingga akhir tahun 1999.

Katanya, pihak majlis kesatuan juga sudah menghantar surat permohonan dan rayuan secara bertulis kepada Menteri Kewangan, Tun Daim Zainuddin pada 25 Julai lalu bagi mendapatkan penyelesaian terbaik.

Selain itu, pihak Majlis Kesatuan juga sudah menyampaikan salinan surat kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, pada hari yang sama dalam satu majlis makan tengah hari di Putrajaya.